

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 27 Julai 2020 10:22 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Covid-19 Tidak Halang Rai 200 Penerima Anugerah Dekan SMMTC



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JULAI 2020 / 6 ZULHIJAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azahar Kasim
Gambar oleh: SMMTC

COVID-19 TIDAK HALANG RAI 200 PENERIMA ANUGERAH DEKAN SMMTC



UUM ONLINE: Pandemik Covid-19 tidak menghalang Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) untuk meraikan 200 pelajar semester pertama 2019/2020 (A191) yang menerima Anugerah Dekan meskipun diadakan secara atas talian menerusi Webex, baru-baru ini.

Dekan SMMTC, Prof. Madya Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam berkata, Majlis Anugerah Dekan tetap diadakan walaupun bukan secara fizikal tetapi secara atas talian kerana negara dilanda Covid-19.

"Kita ingin menghargai dan meraikan kejayaan pelajar yang telah bertungkus lumus belajar bagi mendapatkan markah tertinggi bagi setiap semester, justeru pengorbanan mereka ini layak dihargai atas kesungguhan mentelaah ilmu pelajaran yang diterapkan dalam kuliah.

“Mungkin SMMTC adalah pusat pengajian pertama yang menganjurkan Anugerah Dekan secara atas talian (online) untuk meraikan kejayaan pelajar walaupun mereka berada jauh daripada kampus,” katanya.

Beliau berkata, lebih manis lagi apabila ibu bapa juga dijemput untuk berada bersama pelajar yang mendapat Anugerah Dekan dalam sesi video Webex sebagai menghargai jasa mereka yang bersusah-payah menjaga anak-anak sehingga menempa kejayaan dalam pembelajaran.

Majlis yang dianjurkan SMMTC dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni SMMTC meraikan 75 pelajar Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Multimedia), 63 pelajar Sarjana Muda Teknologi Media dengan Kepujian dan 126 pelajar Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.